

Mesyuarat Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia Ke-191

MPS Bank Negara Malaysia pada mesyuarat ke-191 bertarikh 26 Mac 2019 telah memutuskan perkara berikut:

Mekanisme Pengurangan Rebat (*ibra'*) bagi Menampung Sebahagian Kos Dalam Produk Pembiayaan Aliran Tunai (*cashline*)

Keputusan

MPS memutuskan bahawa tiada halangan Syarak dalam meluluskan cadangan mekanisme pengurangan rebat (*ibra'*) ke atas baki pembiayaan aliran tunai (*cashline-i*) yang belum digunakan (*unutilised*) berasaskan *murabahah* / *tawarruq* bagi menampung sebahagian kos yang ditanggung oleh pembiaya yang terhasil daripada pematuhan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (MFRS 9). Bagi tujuan menyelaraskan amalan, Bank Negara Malaysia selaku pengawal selia boleh menentukan dasar atau garis panduan yang bersesuaian berhubung pelaksanaan mekanisme tersebut dalam industri kewangan Islam di Malaysia bagi memastikan kepentingan semua pihak diambil kira.

Latar Belakang

- Secara umumnya, institusi kewangan perlu menanggung kos-kos tertentu dalam memberikan kemudahan pembiayaan kepada pelanggan. Kos ini boleh meningkat dengan pelaksanaan MFRS 9 (yang menggantikan piawaian MFRS 139) bermula tahun kewangan 1 Januari 2018, khususnya berkenaan peruntukan jejas nilai baharu yang lebih bersifat memandang ke hadapan. Piawaian peruntukan ini memerlukan institusi kewangan membuat anggaran jangkaan kerugian kredit sama ada untuk 12 bulan akan datang atau sepanjang tempoh kemudahan dengan mengambil kira perkembangan mikro dan makroekonomi di masa lalu, semasa dan masa hadapan. Ini berbeza dengan MFRS 139, yang hanya mengambil kira peruntukan jejas nilai apabila terdapat bukti jejas nilai yang jelas iaitu pendekatan kerugian ditanggung.



- Dalam konteks produk *cashline-i*, berdasarkan piawaian MFRS 9, institusi kewangan Islam (IKI) perlu membuat peruntukan jejas nilai (*impairment provision*) atas kemudahan fasiliti yang diberikan termasuk baki amaun kemudahan yang tidak digunakan. Kesan daripada pematuhan piawaian ini, IKI perlu menanggung kos yang lebih tinggi memandangkan IKI tidak dibenarkan untuk mengenakan sebarang caj atas baki kemudahan yang tidak digunakan.
- Bagi menangani isu ini, Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM) yang mewakili pihak industri kewangan Islam telah mengemukakan cadangan mekanisme pengurangan rebat (*ibra'*) atas baki pembiayaan aliran tunai yang belum digunakan bagi menampung sebahagian kos yang terhasil daripada peruntukan jejas nilai yang tinggi di bawah MFRS 9.
- Berikut adalah huraian terhadap cadangan yang dikemukakan:
 - i. AIBIM mencadangkan jenis kadar yang baharu iaitu kadar keuntungan lantai yang akan dikenakan sekiranya amaun kemudahan tidak digunakan sepenuhnya. Kadar keuntungan lantai ini merupakan tambahan kepada struktur kadar keuntungan yang sedia ada yang diaplikasikan dalam produk *cashline-i* (iaitu kadar keuntungan siling dan kadar keuntungan efektif),
 - ii. Sekiranya pelanggan menggunakan keseluruhan amaun kemudahan, kadar *ibra'* yang diberikan adalah perbezaan antara kadar keuntungan siling dan kadar keuntungan efektif.
 - iii. Sekiranya terdapat baki kemudahan yang belum digunakan, maka kadar *ibra'* yang diberikan adalah lebih rendah tertakluk kepada perbezaan antara kadar keuntungan siling dan kadar keuntungan lantai.
- Berikut adalah ilustrasi perbezaan kadar pengurangan *ibra'* semasa dan kadar yang dicadangkan:

Jadual Kadar *Ibra'*

Jenis kadar	Amalan semasa	Cadangan
Kadar keuntungan siling	12%	12%
Kadar keuntungan efektif ke atas amaun pembiayaan yang digunakan	8% (<i>Ibra'</i> = 4%)	8% (<i>Ibra'</i> = 4%)
Kadar keuntungan ke atas baki amaun pembiayaan yang tidak digunakan (sebagai ilustrasi kadar keuntungan lantai adalah 1%)	0% (<i>Ibra'</i> = 12%)	1% (<i>Ibra'</i> = 11%)

Isu Syariah

- Adakah struktur pengurangan *ibra'* atas baki kemudahan yang tidak digunakan bagi produk *cashline-i* yang dicadangkan patuh Syariah?

Isu Utama Perbincangan MPS

Implikasi piawaian MFRS 9 ke atas IKI

- Berdasarkan keperluan piawaian MFRS 9, peruntukan jejas nilai dijangka meningkat berikutan perubahan dalam kaedah pengiraan peruntukan bagi kerugian kredit termasuk kemudahan yang tidak digunakan. Ini akan mengakibatkan;
 - Perbelanjaan lebih tinggi yang dicatatkan dalam penyata pendapatan dan akan menyebabkan pengurangan keuntungan institusi kewangan iaitu margin pendapatan bersih (*net income margin*).
 - Pengurangan modal akibat daripada pendapatan yang rendah dan aset (iaitu amaun tertunggak untuk pembiayaan) yang dicatatkan dalam penyata kedudukan kewangan (*statement of financial position*).
 - Pengenaan cukai yang tinggi - Peringkat 1, tiada pengecualian diberikan yang mana keseluruhan peruntukan jejas nilai akan dikenakan cukai dan bagi Peringkat 2, hanya 50% daripada peruntukan jejas nilai diberikan pengecualian untuk potongan cukai.

Justifikasi Syariah bagi cadangan yang dikemukakan

- MPS dalam keputusan terdahulu secara umumnya telah membenarkan penggunaan *ibra'* dalam penstrukturan produk yang ditawarkan oleh IKI.¹
- Merujuk kepada perbincangan fuqaha silam, antara jenis-jenis *ibra'* yang boleh dijadikan sandaran adalah *ibra' muqayyad*² dan *ibra' mu'allaq*³. Sebahagian fuqaha mazhab Hanafi dan mazhab Syafi'i berpandangan hukumnya tidak harus sekiranya syarat dalam *ibra'* tersebut menjadi amalan kebiasaan. Manakala mazhab Maliki dan sebahagian mazhab Hanbali mengharuskannya secara mutlak.⁴ Berdasarkan kepada perbincangan fuqaha, ia jelas menunjukkan bahawa penggunaan *ibra'* boleh diperluaskan sejajar dengan kehendak semasa selagi ia tidak bercanggah dengan prinsip umum Syariah.
- Di samping itu, pemberian *ibra'* dalam konteks ini merupakan hak pembiaya sebagai penjual yang mana *ibra'* boleh diberikan dalam apa jua bentuk dan keadaan berdasarkan kepada kerelaan dan budi bicara pembiaya. Ini juga adalah sebahagian daripada penstrukturan kaedah penetapan *ibra'* yang telah dipersetujui pada peringkat awal dan pendekatan ini bukanlah caj penalti ke atas kemudahan pembiayaan yang tidak digunakan.

Kesan kepada pelanggan

- Pelanggan dan IKI telah bersetuju dengan terma dan syarat yang terkandung semasa pemeteraian kontrak dan segala butiran mestilah tidak menyalahi Syarak. Ini sejajar dengan hadith:⁵

المسلمون على شروطهم إلا شرطاً أحل حراماً أو حرم حلالاً

“Orang Islam terikat dengan syarat-syarat yang dipersetujuinya kecuali syarat yang menghalalkan perkara haram atau mengharamkan perkara halal.”

Pendekatan ini juga selari dengan kaedah fiqh yang berikut:⁶

الأصل رضى المتعاقدين ونتيجته هي ما التزمه بالتعاقد

“Asal sesuatu kontrak adalah kerelaan kedua pihak yang berkontrak dan natijahnya ialah perkara yang disyaratkan bersama dalam kontrak.”

Kesan keputusan MPS terdahulu berhubung pengenaan caj yuran komitmen ke atas baki kemudahan yang tidak digunakan

- MPS dalam keputusan terdahulu⁷ tidak membenarkan IKI untuk mengenakan yuran komitmen ke atas baki yang belum digunakan dalam kemudahan overdraf atau kredit pusingan secara Islam berdasarkan kepada hujah bahawa jumlah kemudahan yang diterima adalah hak milik pelanggan sepenuhnya. Oleh itu, caj ke atas jumlah kemudahan yang dikenakan kepada pelanggan adalah tidak dibenarkan.
- Namun begitu, berbeza dengan cadangan mekanisme pengurangan *ibra'* oleh AIBIM, tiada caj tambahan dikenakan di luar daripada harga jualan yang telah dipersetujui dalam kontrak. Sebaliknya, IKI hanya mengurangkan pemberian kadar *ibra'* kepada pelanggan yang mana *ibra'* adalah hak pembiaya dan pemberian dilakukan atas kerelaan IKI.
- Oleh itu, terdapat perbezaan dari sudut prinsip Syariah antara keputusan terdahulu yang melarang pengenaan caj yuran komitmen dan mekanisme pengurangan *ibra'* yang dicadangkan ini.

¹ Mesyuarat MPS ke-32 (27 Februari 2013) dan Mesyuarat MPS ke-101 (20 Mei 2010).

² *Ibra' muqayyad* : *Ibra'* yang terikat pada syarat.

³ *Ibra' mu'allaq* : *Ibra'* yang tertakluk kepada syarat dan sekiranya syarat tersebut dipenuhi, maka *ibra'* akan diberikan.

⁴ Ibn Qudamah, *al-Mughni*, Maktabah al-Qaherah, Mesir, 1969, j.5 h.16-17; Abu Bakar Muhammad Syatha al-Dimyati, *I'nanah al-Thalibin*, Dar al-Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah, Beirut, t.t., j.3, h.192; Ibn Al-Humam, *Fath al-Qadir Syarh al-Hidayah fi Syarh al-Bidayah*, Matba'ah al-Kubra al-Amiriyyah, 1317H, j.7, h. 44-45; al-Kasani, *Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Syara'i*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, j.6, h.45; al-Dusuqi, *Hashiyah al-Dusuqi 'ala al-Syarh al-Kabir*, Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah, t.t., j.4, h.99; Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait, *al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, 1993, j.1, h.165-166.

⁵ Abu Daud, *Sunan Abi Daud*, Bait al-Afkar al-Dawliyyah, 1999, h. 398, hadis no. 3594.

⁶ Ahmad al-Zarqa', *Syarh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, Dar al-Qalam, 1989, h. 482

⁷ Mesyuarat MPS ke-12 (24 Februari 2000).

Kadar ibra' yang dibenarkan oleh Bank Negara Malaysia

- Bagi tujuan penyelarasan di peringkat IKI, Bank Negara Malaysia (BNM) selaku pengawal selia boleh menentukan kadar *ibra'* yang bersesuaian ke atas baki kemudahan yang tidak digunakan bagi produk *cashline-i* untuk diaplikasi oleh pihak industri.

Asas Pertimbangan

- Tiada halangan Syarak bagi mekanisme pengurangan *ibra'* yang dicadangkan. Ini adalah berdasarkan kepada pandangan sebahagian mazhab yang membenarkan konsep *ibra' muqayyad* dan *ibra' mu'allaq* digunakan dalam transaksi muamalat.
- Pemberian *ibra'* adalah satu daripada bentuk rebat yang mana pihak yang berkontrak boleh melepaskan haknya kepada pihak lain yang mempunyai kewajiban untuk membayar sejumlah amaun yang telah diadakan. Justeru, secara prinsipnya, pemberian *ibra'* boleh dilaksanakan dalam apa jua bentuk berdasarkan kerelaan dan budi bicara pihak yang berhak iaitu pihak pemberi *ibra'* atau pembiaya.
- Keperluan piawaian MFRS 9 yang menghendaki IKI membuat peruntukan terhadap baki amaun kemudahan yang belum/tidak digunakan oleh pelanggan boleh menyebabkan peningkatan kos yang tinggi yang boleh memberi impak negatif kepada pertumbuhan industri kewangan Islam.

Implikasi Keputusan MPS

- Keputusan MPS ini memberi ruang kepada IKI untuk menampung sebahagian daripada kos operasi yang ditanggung berikutan keperluan terhadap pematuhan piawaian perakaunan MFRS 9. Keputusan ini hanya terpakai ke atas produk pembiayaan aliran tunai (*cashline*) yang berasaskan konsep *murabahah/tawarruq*.
- Bagi tujuan penyelarasan kepada IKI, kadar *ibra'* adalah tertakluk kepada kelulusan atau garis panduan BNM.

Keputusan ini berkuatkuasa serta merta setelah MPS memuktamadkan keputusannya pada 26 Mac 2019. Pelaksanaannya berdasarkan kepada polisi dan garis panduan yang akan dikeluarkan oleh BNM pada masa hadapan atau kelulusan yang diberikan oleh BNM berdasarkan permohonan penawaran produk.

IKI perlu mematuhi peraturan ini menurut seksyen 28(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 atau seksyen 33D(1) Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, mengikut mana-mana yang berkenaan.